

# Exora Bold mampu saingi MPV2.0L

**P**ENAMPILAN terbaru MPV Exora lengkap dengan pakej baru yang cukup menarik. Memandunya dari Kuala Lumpur Isnin lalu sedikit-sebanyak memberikan kesempatan untuk melihat sendiri sama ada Exora Bold benar-benar mampu memberikan pengalaman yang berbeza berbanding versi enjin CPS yang diperkenalkan dulu.

Banyak pembaharuan yang dilakukan kali ini terhadap Exora Bold sebagai memenuhi keperluan pelanggan berdasarkan maklum balas dari versi terdahulu. Walaupun masih mengekalkan enjin 1.6L Campro, penghasilan kuasanya tidak lagi berada di takuk lama dengan pengenalan sistem Charged Fuel Efficiency (CFE) menggantikan CPS.

Menurut Jurutera Pembangunan Janakuasa (Powertrain), Bahagian Kejuruteraan Proton, Enoch Abraham, Exora Bold terbaru menjalani penambahbaikan utama untuk meningkatkan prestasinya. "Pertama, ia kini dilengkapi dengan 'force-induction system' iaitu pengecas turbo bagi meningkatkan output dari

## Spesifikasi

### Exora Bold

**Enjin:** 1.6L CFE  
**Kuasa maksimum:** 138hp @ 5,000rpm  
**Tork maksimum:** 205Nm @ 2,000-4,000rpm  
**Transmisi:** CVT  
**Ciri-ciri keselamatan:** Beg udara, ABS dll.  
**Harga:** RM79,998



■ Warna baru pada Exora Bold, Cocoa Grey serasi dengan imej baru MPV ini, termasuk rekaan kit badan dan aksesori tambahan yang segar.

enjin. Untuk penghantaran kuasa pula, ia tidak lagi menggunakan transmisi automatik biasa seperti dulu. Ia kini dilengkapi dengan sistem transmisi CVT," jelas Abraham.

Dengan penggunaan sistem janakuasa terbaru pada Exora Bold, sejumlah 86kg berat keseluruhannya dapat dikurangkan berbanding model lama. "Dan, kali ini Exora akan berikan apa yang diperlukannya selama ini, iaitu bacaan tork maksimum yang kini mencatat 205Nm pada 2,000-4,000rpm," tambah beliau lagi.

Sudah tentu dengan bacaan tork terbaru ini, yang mana dari enjin yang sama turut memberikan sehingga 183hp kuasa maksimum, memandu Exora Bold ini jauh berbeza berbanding model terdahulu. Dengan kapasiti enjin 1.6L,

Exora Bold kini mampu mencapai bacaan tahap prestasi yang menyaingi MPV 2.0L.

Janaan tork pada julat pusingan enjin yang rendah memberikan daya tujuh yang banyak membantu pemanduan, baik ketika kenderaan berkenaan membawa penumpang ramai atau pun ketika dalam keadaan mendaki cerun tinggi. Laluan di lebuhraya Karak misalnya tidak lagi menjadi beban bagi Exora Bold.

Model ini juga mengambil kira penawaran tiga perkara kepada pemilik; penjimatan bahan api, pengurangan kadar pencemaran serta keselesaan perjalanan. Dengan jelmaan terbaru ini, Exora Bold mampu memberikan semua itu. Sebagai contoh, ketika tangki petrolnya mencecah separuh




■ Kelebihan ruang kabin yang ada pada Exora kini disempurnakan pula dengan enjin dan kuasa tork yang memberikan pengalaman pemanduan berbeza yang lebih lancar.

digunakan, bacaan meter jarak perjalanan yang dicatatkan adalah sekitar 300km. Ini bacaan yang agak baik, mengambil kira perjalanan jauh dengan tiga penumpang dewasa.

Transmisi CVTnya juga menawarkan pemanduan yang lebih lancar. Ia jauh berbeza dengan pengalaman memandu Exora versi sebelumnya. Tiada lagi enjin yang seakan-akan terbeban dan meraung. Ia kini

mampu menggalas tugas yang lebih baik sebagai sebuah MPV. Exora Bold di tawarkan dalam dua versi iaitu Exclusive dan Premium, dengan tambahan model paling lengkap dan elegan, Exora Prime.



■ Kit turbo yang memberikan janaan kuasa menakjubkan pada Exora versi terkini.

